



Sains dan Teknologi Pemacu Kemodenan

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- | | |
|--|---|
| <p>1 Abang saya <u>sangat gembira</u> kerana <u>riba komputer</u> miliknya telah <u>dibaiki</u>.
A B C
Tiada kesalahan
D</p> <p>2 Ibubapa perlu <u>mengawal</u> anak-anak yang leka bermain peranti elektronik.
A B C
Tiada kesalahan
D</p> <p>3 Penggunaan komputer begitu <u>meluas-luas</u> dewasa ini dan digunakan dalam berbagai-bagai bidang. Tiada kesalahan
A B C D</p> | <p>4 Kerjaya <u>sebagai</u> seorang <u>juruukur</u> memerlukan pengetahuan dan latihan yang khusus serta <u>diiktiraf</u>. Tiada kesalahan
A B C D</p> <p>5 Skim insurans <u>perubatan</u> mampu <u>meringan</u> beban mereka yang <u>menghidapi</u> penyakit. Tiada kesalahan
A B C D</p> <p>6 Siti Aminah mendapatkan <u>perkhidmatan</u> di salon rambut bagi <u>melurus</u> rambutnya yang <u>keriting</u>. Tiada kesalahan
A B C D</p> |
|--|---|

Bahagian B

Nyatakan pola bagi ayat-ayat di bawah sama ada ayat tersebut berpolakan Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA) atau Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS).

- 1 Aishah anak sulung guru Sains sekolah kami.

Pola Ayat: _____

- 2 Murid itu daripada Kelab Reka Cipta.

Pola Ayat: _____

- 3 Pelumba basikal itu amat gigih berlatih.

Pola Ayat: _____

- 4 Guru yang sedang berkursus di Kuala Lumpur ialah Cikgu Zakaria.

Pola Ayat: _____

- 5 Rombongan yang akan menyertai lawatan ke Pusat Sains telah bertolak setengah jam lalu.

Pola Ayat: _____